



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



PENGARUH *BIG FIVE PERSONALITY* GURU TERHADAP  
PENCAPAIAN MURID

*THE INFLUENCE OF TEACHERS' BIG FIVE PERSONALITIES ON STUDENT  
ACHIEVEMENT*

Shuhaida Shaari<sup>1\*</sup>, Yasmin Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia  
Email: farsheeda2018@gmail.com

<sup>2</sup> Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia  
Email: yasminahmad@unimap.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 30.10.2025

Revised date: 06.11.2025

Accepted date: 01.12.2025

Published date: 08.12.2025

**To cite this document:**

Shaari, S., & Ahmad, Y. (2025). Pengaruh *Big Five Personality* Guru Terhadap Pencapaian Murid. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 736-747.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061051

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Personaliti guru memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang produktif, meningkatkan penyertaan murid dan memberi kesan langsung kepada pencapaian akademik. Lima tret atau sifat personaliti guru berdasarkan Model *Big Five Personality* yang dikaji ialah keterbukaan, kesedaran, ekstrasversi, kesepakatan dan neurotikisme (kestabilan emosi). Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pengaruh lima tret personaliti guru terhadap pencapaian akademik murid. Selain daripada itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tret personaliti yang paling dominan mempengaruhi pencapaian akademik murid. Kajian juga menekankan kepentingan kompetensi digital dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di bilik darjah. Dapatan kajian dapat membantu guru dan pihak sekolah menambahbaik pedagogi pembelajaran digital, sumber bahan PdPc, pengurusan bilik darjah dan meningkatkan pencapaian murid.

**Kata Kunci:**

*Big Five Personality*, Tret Personaliti, Pencapaian Akademik, Teori Konektivisme

**Abstract:**

Teacher personality plays an important role in creating a productive learning environment, increasing student participation and directly impacting academic achievement. The five personality traits or characteristics of teachers based on the Big Five Personality Model that were studied are openness, conscientiousness, extraversion, agreeableness and neuroticism (emotional stability). The objective of the study is to identify the influence of five personality traits of teachers on students' academic achievement. Apart from that, this study aims to identify the most dominant personality traits that influence students' academic achievement. The study also emphasizes the importance of digital competence in implementing learning and facilitation (L&F) in the classroom. The study findings can help teachers and schools improve digital learning pedagogy, learning and facilitation material resources, classroom management and improve student achievement.

**Keywords:**

Big Five Personality, Personality Traits, Academic Achievement, Connectivism Theory

**Pengenalan**

Dalam pendidikan kontemporari, unsur pengajaran guru dan personaliti guru mempengaruhi kualiti hasil pencapaian murid. Penyelidikan dalam psikologi pendidikan telah lama mengiktiraf bahawa guru yang memiliki tret atau sifat personaliti yang adaptif (kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan) lebih cenderung untuk memupuk persekitaran bilik darjah yang kondusif untuk pembelajaran (Sulis et al., 2021; Fang & Qi, 2023). Kualiti pengajaran dan tret personaliti guru adalah teras kepada amalan pengajaran yang berkesan, juga menjadi pamacu utama pencapaian murid (Collie et al., 2020; Han et al., 2022). Lima tret atau sifat personaliti guru berdasarkan Model *Big Five Personality* yang dikaji ialah keterbukaan, kesedaran, ekstraversi, kesepakatan dan neurotikisme (kestabilan emosi). Tret-tret personaliti tersebut mempengaruhi pencapaian murid melalui impaknya terhadap keberkesanan pengajaran, penglibatan dan interaksi murid, kesejahteraan guru dan pembangunan profesionalisme guru.

Bilangan sebenar kajian yang telah menggunakan pendekatan tret personaliti *Big Five* di Malaysia adalah masih kecil berbanding kajian di negara barat. Kajian yang telah dilakukan di Malaysia kebanyakannya berfokus kepada pelajar universiti dan murid sekolah menengah (Zali & Surat, 2022). Namun kajian yang akan dijalankan akan memfokus kepada *big five personality* guru. Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh tret personaliti guru yang merangkumi tingkah laku pengajaran, tingkah laku organisasi dan tingkah laku sosio-emosi (memberi kesan atau menyebabkan perubahan) terhadap pencapaian pembelajaran murid. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti lima tret atau sifat personaliti guru berdasarkan Model *Big Five Personality* iaitu keterbukaan, kesedaran, ekstraversi, kesepakatan dan neurotikisme menyebabkan peningkatan atau penurunan dalam pencapaian akademik murid. Selain daripada itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tret personaliti yang paling dominan mempengaruhi pencapaian akademik murid. Kajian berbentuk kuantitatif, menggunakan kaedah tinjauan bagi mengutip data. Kajian melibatkan guru-guru mata pelajaran yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di Zon Utara Malaysia. Data dianalisis

secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menggunakan SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*), yang merupakan perisian aplikasi untuk melakukan analisis statistik, pengurusan data dan pengolahan data. Manakala analisis inferensi menggunakan PLS-SEM (*Partial Least Squares Structural Equation Modeling*) untuk menganalisis pembolehubah formatif dan reflektif (Hair et al., 2014) serta melibatkan kedua-dua jenis pembolehubah dalam satu model (Chin & Marcoulides, 1998).

## Tinjauan Literatur

### *Personaliti*

Personaliti adalah salah satu perkara yang menjadikan seseorang unik antara satu sama lain. Personaliti meliputi watak, sifat, penyesuaian diri, minat, emosi, sikap dan motivasi. Allen dan Walter (2018) mendefinisikan personaliti sebagai kepelbagaian watak, perangai, akal serta fizikal individu yang stabil serta menghasilkan daya tahan dalam menghasilkan keunikan penyesuaian dengan keadaan sekeliling. Beberapa ahli psikologi berpendapat bahawa personaliti adalah diwarisi dan melibatkan faktor biologi (Worthy et al., 2020). Konsep personaliti merupakan konsep yang begitu luas sehingga menjadi suatu yang amat penting.

Personaliti individu dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosial seperti jantina, kedudukan, penempatan, agama, budaya, bahasa, dan politik. Menurut Wan Daud et al. (2020), personaliti menggambarkan kecenderungan seseorang untuk bertindak dengan cara tertentu. Ciri-ciri personaliti menentukan cara individu berfikir, berasa, dan berkelakuan secara konsisten dari semasa ke semasa (Stümpel et al., 2022). Ini menunjukkan bahawa walaupun sifat-sifat ini dapat dilihat dalam pelbagai konteks, terdapat juga pengaruh yang lebih ketara dalam situasi budaya tertentu.

Dalam konteks kerjaya perguruan, personaliti guru merujuk kepada perwatakan dan sahsiah yang dijemakan dalam kehidupan seharian mereka. Ciri-ciri seperti kesabaran, kreativiti dalam pengajaran, dan sikap bertimbang rasa adalah penting untuk menarik minat murid belajar (Bujang & Yusof, 2015).

### *Pencapaian Murid*

Pencapaian akademik murid adalah sesuatu perkara yang dicapai pada tahap kemajuan melalui usaha dan ketekunan individu terhadap penguasaan ilmu atau kemahiran yang dipelajarinya berdasarkan kepada nilai mata yang dikumpulkannya (Razak, 2015). Pencapaian ini diukur berdasarkan gred, skor mentah dan pangkat untuk subjek atau untuk keseluruhan. Dengan erti kata lain, pencapaian merupakan kayu ukur kejayaan atau kegagalan murid berasaskan penilaian dan peperiksaan dalam sesuatu ujian. Gred bacaan baik yang diperolehi daripada instrumen penilaian murid dapat menghasilkan kesesuaian gaya pembelajaran serta memperolehi kecemerlangan segala aktiviti yang dilakukan bagi menentukan kejayaan tercapai pada tahap maksimum

### *Teori Yang Mendasari Kajian*

Terdapat dua teori yang mendasari kajian. Tret *Big Five Personality* guru merujuk kepada teori sifat- model *Big five personality* yang diperkenalkan oleh McCrae & Costa (1999) manakala pencapaian murid berlandaskan teori konektivisme yang diperkenalkan oleh Siemens (2005).

### ***Teori Sifat- Model Big Five Personality***

Terdapat beberapa teori personaliti seperti teori psikodinamik oleh Sigmund Freud, teori sifat, teori humanistik, teori kognitif sosial, teori biologi, teori evolusi oleh Charles Darwin dan sebagainya (Jayawickreme & Zachry, 2018). Teori sifat personaliti terbahagi kepada empat iaitu iaitu teori sifat Allport, model personaliti 16 faktor Cattell, model tiga dimensi Eysenck, dan model personaliti lima faktor (Cherry, 2025). Dalam konteks kajian, penyelidik hanya akan memfokus kepada teori sifat model personaliti lima faktor sahaja. Tret personaliti mencerminkan corak ciri pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang. Teori sifat dalam psikologi bergantung pada idea bahawa orang berbeza antara satu sama lain berdasarkan kekuatan dan keamatan dimensi tret asas. Terdapat tiga kriteria yang mencirikan tret personaliti iaitu konsisten, kestabilan dan perbezaan individu (Worthy et al., 2020). McCrae & Costa (1999), yang mengesahkan dan menyediakan model yang digunakan hari ini yang dikenali sebagai *Big Five*, terdiri daripada lima sifat atau tret personaliti yang berbeza iaitu keterbukaan, kesedaran, ekstraversi, kesepakatan dan neurotikisme atau kestabilan emosi (Ackerman, 2017; Cherry, 2025; Lim, 2025).

Teori *Big Five Personality* diterima pakai dalam semua kajian personaliti yang terlibat dalam kajian psikologi sosial dan telah menghasilkan banyak artikel yang meliputi aspek psikologi, sains pendidikan, teknologi dan pelbagai aspek yang lain. Dalam teori *Big Five Personality*, personaliti telah dibahagikan kepada lima tret atau sifat personaliti utama iaitu:

- i. Keterbukaan (Openness to experience): Tret ini menerangkan keterbukaan kepada pengalaman kognitif dan bukan kognitif, yang ditunjukkan dalam pelbagai kepentingan, kesungguhan untuk mencari dan pengalaman hidup baru dan luar biasa tanpa kebimbangan dan juga dengan keseronokan.
- ii. Kesedaran (Conscientiousness): Merupakan satu tret atau dimensi yang menumpukan kepada isu-isu seperti orientasi, tingkah laku kebiasaan dan kawalan gerak hati. Ia merujuk kepada individu yang bertanggungjawab, berhati-hati, teliti, teratur, boleh dipercayai, rajin, berdisiplin, menepati masa, kemas, bercita-cita tinggi dan gerak hati.
- iii. Ekstraversi (Extroversion): Individu yang tinggi dalam ekstraversi digambarkan sebagai tegas, bercita-cita tinggi, pandai bergaul, aktif, suka bercakap, berorientasikan orang, optimistik, dan penyayang. bertolak ansur, mempercayai, fleksibel, pemaaf, bekerjasama, sopan, lembut hati, baik-hati, membantu, mudah tertipu serta terus-terang.
- iv. Kesepakatan (Agreeableness): Individu yang tinggi dalam kesepakatan digambarkan sebagai bertolak ansur, mempercayai, fleksibel, pemaaf, bekerjasama, sopan, lembut hati, baik-hati, membantu, mudah tertipu serta terus-terang.
- v. Neurotikisme (Neuroticism): Neurotikisme digambarkan sebagai ketidakstabilan emosi, iaitu meliputi perasaan marah, malu, cemas, bermusuhan, tertekan, sedar diri, impulsif, bimbang, gelisah, emosional, tidak selamat, dan tidak mencukupi (Zali & Surat, 2022).

### ***Teori Konektivisme***

Teori Pembelajaran Konektivisme telah diperkenalkan oleh George Siemens (2005). Teori pembelajaran ini digunakan semasa pembelajaran era digital. Siemens telah membangunkan teori pembelajaran Konektivisme kerana percaya bahawa teori-teori pembelajaran sebelumnya seperti *Behaviourism*, *Cognitivism* dan *Constructivism* tidak dapat lagi memenuhi sifat pengajaran dan pembelajaran dalam zaman digital. Teknologi telah merubah kehidupan, komunikasi dan pembelajaran (Siemens, 2005). Pengajaran dan pembelajaran secara tradisional juga perlu berubah mengikut format digital seiring dengan perubahan teknologi.

Teori Konektivisme melibatkan jaringan sebagai medium, sama ada jaringan internet ataupun jaringan sosial. Menghasilkan kaedah e-pembelajaran yang bertepatan sebagai salah satu bentuk respon terhadap perkembangan era digital dan juga sebagai keperluan pendidikan abad ke-21. Pembelajaran menekankan hubungan dan interaksi pengguna dalam jaringan rangkaian sosial secara teknologi digital (Schmidt et al., 2017) sebagai asas pengajaran dan menangani keperluan pembelajaran yang berkesan. Menerusi adaptasi teori pembelajaran Konektivisme pembelajaran secara teradun (*blended learning*) merupakan suatu proses pembelajaran yang disokong dalam persekitaran digital, dibina melalui rangkaian, hubungan serta interaksi. Menurut Schmidt et al. (2017), pendekatan Konektivisme mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan teori konstruktivisme iaitu murid membina pengetahuan secara individu melalui pembelajaran pengalaman sebenar. Ini kerana pembelajaran Konektivisme atau pun pembelajaran rangkaian berfungsi sebagai asas proses pembelajaran yang mengadaptasi prinsip konstruktivisme terhadap suatu yang tidak formal, terhubung melalui jaringan hubungan dan disokong oleh teknologi.

### Kajian Lepas

Banyak kajian telah menggunakan model *Big Five Personality* untuk mengkaji perhubungan di antara tret personaliti keterbukaan, kesedaran, ekstrasversi, kesepakatan dan neurotikisme (kestabilan emosi) dengan pencapaian akademik murid dan kajian ini telah berjaya mengenal pasti kekuatan personaliti *big five* dalam menilai pencapaian akademik murid. Tret-tret tersebut secara konsisten dikaitkan dengan amalan pengajaran yang berkesan dan kejayaan murid (Kim et al., 2022; Perera et al., 2018).

Model *Big Five Personality* menggariskan lima tret atau sifat utama personaliti manusia iaitu keterbukaan terhadap pengalaman, kesedaran, ekstroversi, kesepakatan dan neurotikisme (kestabilan emosi) (John & Srivastava, 2019). Setiap satunya mempengaruhi tingkah laku dan interaksi pengajaran dengan cara yang unik (Mammadov et al., 2022). Dapatan kajian Mammadov dan Avci (2025) mendapati bahawa guru yang mempunyai tret keterbukaan dan motivasi intrinsik yang tinggi lebih cenderung untuk melaksanakan strategi pembelajaran aktif yang meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan muridnya. Malah tret keterbukaan terhadap pengalaman yang ada pada guru dikaitkan dengan pedagogi inovatif, fleksibiliti dalam menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi bilik darjah, keperluan murid dan integrasi kreatif sumber digital (Adams et al., 2025; Ghafar et al., 2022; Nasaruddin et al., 2024; Taib et al., 2019). Ternyata kajian lepas membuktikan keterbukaan yang tinggi mengukuhkan hubungan antara motivasi dan strategi pengajaran yang inovatif.

Dapatan kajian tentang tret kesedaran yang tinggi yang ada pada guru dapat memperbesarkan kesan positif motivasi guru terhadap ketenteraman atau iklim bilik darjah dan pencapaian murid. Tret kesedaran membolehkan guru meramalkan perancangan pengajaran yang berstruktur, penyampaian pelajaran yang konsisten, organisasi bilik darjah yang jelas dan tindakan susulan yang kukuh terhadap matlamat pengajaran, yang kesemuanya menyumbang kepada iklim bilik darjah yang stabil dan menyokong (Buric et al., 2023; Kim et al., 2019).

Manakala dapatan kajian Zali & Surat (2022) menunjukkan bahawa tret kesedaran (18 kajian) merupakan tret personaliti yang paling mempengaruhi pencapaian akademik murid.

Selanjutnya tret ekstrasversi menyokong pengajaran guru yang dinamik dan interaktif, yang selalunya menghasilkan tahap penyertaan dan semangat murid yang lebih tinggi. Tret



ekstraversi memudahkan interaksi bilik darjah yang dinamik dan menggalakkan penyertaan murid (Soto & John, 2017).

Seterusnya tret kesepakatan pula memupuk empati dan kehangatan, mengukuhkan ikatan hubungan dengan murid dan mengurangkan konflik bilik darjah (Soto & John, 2017). Selain itu tret kesepakatan meningkatkan hubungan guru-murid yang membawa kepada pengurangan masalah tingkah laku atau disiplin dan peningkatan kerjasama.

Dapatan kajian Hoorain et al., 2023 tentang tret neurotikisme yang ada pada guru menunjukkan apabila neurotikisme rendah, bermaksud kestabilan emosi guru lebih tinggi, hal ini membolehkan guru menangani tekanan bilik darjah tanpa menjejaskan kualiti pengajaran. Dapatan ini disokong oleh Lim, 2023 iaitu guru yang mempunyai kestabilan emosi yang tinggi boleh menguruskan tekanan dengan berkesan. Hal ini diperkuatkan lagi dengan dapatan kajian Zali & Surat, 2022 yang mendapati 25 kajian menunjukkan tret neurotisme merupakan tret personaliti yang paling tidak memberi kesan terhadap pencapaian akademik murid. Di samping itu tret personaliti kestabilan emosi cenderung menunjukkan keberkesanan pengajaran yang lebih kuat dan memupuk penglibatan murid yang lebih tinggi (Richardson et al., 2022).

Seterusnya dapatan kajian Razak (2015) mendapati terdapat korelasi yang positif antara personaliti *Big Five* terhadap pencapaian akademik murid walaupun ia dinyatakan sebagai hubungan yang lemah antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Tret personaliti yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid adalah ekstraversi. Tret ekstraversi merupakan tret yang paling dominan mempengaruhi pencapaian akademik murid. Sementara itu dapatan kajian Kamillah & Aishah, 2019 mendapati bahawa tret ekstraversi, kesepakatan, kesedaran dan **keterbukaan** mendorong kecenderungan keusahawanan dalam kalangan murid teknikal dan vokasional di Kolej Vokasional Daerah Kuala Terengganu.

Kajian empirikal terkini menunjukkan bahawa ciri personaliti guru tidak bertindak secara berasingan tetapi berinteraksi dengan faktor motivasi untuk membentuk persekitaran bilik darjah, menghasilkan kesan sinergi terhadap iklim bilik darjah dan pencapaian murid (Ahmad Tazli et al., 2019; Kim et al., 2019).

Dapatan kajian lepas juga menunjukkan bahawa personaliti guru mempengaruhi amalan bilik darjah dan hasil pencapaian murid. Guru yang mempunyai kesedaran dan sangat teliti dengan efikasi sendiri yang kuat lebih cenderung untuk menetapkan objektif pembelajaran yang jelas dan berterusan dalam menyokong murid yang berprestasi rendah (Perera & John, 2020). Guru yang tinggi dalam keterbukaan dan motivasi intrinsik selalunya merupakan pengguna awal teknologi pendidikan selaras dengan prinsip Konektivisme yang menekankan pembelajaran rangkaian dalam era digital (Mukhlis et al., 2024).

Kajian-kajian yang melibatkan pendidik, seperti yang dilakukan oleh Che Cob et al. (2024), Ping et al. (2024), serta Tengah dan Rahim Zumrah (2022), turut menunjukkan bahawa tret kesedaran dan keterbukaan mempunyai hubungan positif dengan prestasi kerja pendidik. Sebaliknya, tret seperti ekstraversi, kesepakatan dan neurotikisme tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap prestasi kerja pendidik. Namun, kajian oleh Ibrahim (2019) mendapati tiada hubungan positif antara personaliti guru dan prestasi kerja mereka. Di sisi lain, kajian oleh Ismail et al. (2021) menunjukkan hubungan signifikan antara personaliti pekerja dan prestasi kerja, dengan tret kesedaran sebagai tret dominan.

Selain kajian berkaitan pencapaian murid, terdapat juga kajian tentang bidang lain. Kajian oleh Nik Anuay dan Muhamad, (2019) pula menunjukkan bahawa tret keterbukaan mempunyai hubungan positif dengan prestasi kerja pegawai sukan, di mana keterbukaan fikiran dianggap sangat penting untuk meningkatkan prestasi kerja secara berterusan. Kajian oleh Yang et al. (2024) mendapati bahawa tret personaliti kesedaran dan keterbukaan berkait secara positif dengan prestasi atlet sukan. Namun, tiada korelasi signifikan antara tret ekstraversi, kesepakatan dan neurotikisme dengan prestasi atlet.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa personaliti guru memberi kesan yang ketara kepada hasil pencapaian akademik murid, dengan tret-tret tertentu seperti kesedaran yang tinggi dan kestabilan emosi yang sangat berkaitan dengan keberkesanan guru dan kejayaan murid.

### **Mengintegrasikan Kompetensi Digital: Ketersambungan Dalam Amalan**

Bagi melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dan memenuhi keperluan pembelajaran era digital, pengintegrasian alatan digital ke dalam pengajaran kini merupakan ciri utama pendidikan menengah, menjadikan ketersambungan (*connectivity*) sebagai kerangka teori dan praktikal yang relevan. Menurut Siemens (2005, 2017), pembelajaran dalam era digital bergantung pada pembentukan dan navigasi rangkaian sumber maklumat, rakan sebaya dan platform teknologi. Guru yang menerapkan prinsip ketersambungan secara berkesan memupuk penyelesaian masalah kolaboratif, menggalakkan autonomi murid dalam pencarian maklumat dan menggunakan sumber dalam talian untuk melanjutkan pembelajaran melangkaui sempadan bilik darjah (Goldie, 2016).

Walau bagaimanapun, kejayaan integrasi digital bergantung pada efikasi sendiri teknologi guru. Clipa et al. (2023) mendapati bahawa guru sekolah menengah dengan efikasi sendiri yang lebih tinggi dalam penggunaan teknologi menunjukkan kejayaan yang lebih besar dalam mengekalkan penglibatan murid semasa pembelajaran dalam talian sepenuhnya atau pembelajaran teradun (bersemuka dan dalam talian). Selain itu, keterbukaan terhadap pengalaman merupakan tret personaliti penting bagi kesediaan guru untuk menerima pakai teknologi baharu, manakala tret kesedaran menentukan integrasi peralatan teknologi dalam pedagogi secara konsisten dan kukuh (Zhang & Ziegler, 2022). Guru yang mempunyai personaliti adaptif terutamanya keterbukaan, kesedaran dan kesepakatan yang tinggi lebih cenderung mewujudkan iklim bilik darjah yang positif, meningkatkan penglibatan murid dan hasil pencapaian akademik (Kim et al., 2019; Mammadov et al., 2022).

### **Konektivisme Dan Konteks Pembelajaran Digital**

Konektivisme seperti yang dinyatakan oleh Siemens (2005, 2017), menekankan pembelajaran sebagai proses rangkaian yang dipermudahkan atau difasilitasi oleh teknologi digital. Dalam pendidikan menengah guru mesti mengemudi pelbagai platform digital, mengurus interaksi dalam talian dan hibrid serta membimbing murid dalam memupuk kewarganegaraan digital. Motivasi guru dan ciri personaliti boleh memberi kesan ketara kepada kebolehsesuaian mereka dalam konteks sedemikian. Tret personaliti keterbukaan boleh meningkatkan kesanggupan untuk bereksperimen dengan teknologi baharu manakala tret kesedaran memastikan penyepaduan sistematik sumber digital ke dalam perancangan kurikulum (Hussain et al., 2024).

### **Mengintegrasikan Wawasan Personaliti Ke Dalam Sistem Sokongan Guru**

Penilaian personaliti boleh digunakan secara diagnostik untuk menyesuaikan sokongan profesional. Guru yang tinggi dalam tret atau sifat keterbukaan mungkin digalakkan untuk memimpin inisiatif integrasi teknologi, manakala guru yang tinggi dalam kesedaran cemerlang dalam peranan mentor yang mengukuhkan hubungan sekolah. Walau bagaimanapun, penilaian sedemikian harus digunakan secara konstruktif dan beretika, memastikan ia berfungsi sebagai alat untuk pertumbuhan dan bukannya penilaian (Kim et al., 2019; Perera et al., 2018).

### **Memanfaatkan Kompetensi Digital Sebagai Aset Strategik**

Dalam konteks Konektivisme, kompetensi digital menjadi faktor kritikal yang mempengaruhi kejayaan strategi pengajaran yang didorong oleh personaliti. Sekolah harus menyediakan peluang berstruktur untuk guru membina dan mengemas kini kemahiran digital, menekankan penggunaan teknologi yang adaptif untuk pengajaran yang berbeza, maklum balas masa nyata dan kerjasama rangkaian (Hagger & Protoherou, 2021).

Dalam era digital, prinsip Konektivisme menekankan kepentingan kompetensi digital dan pembelajaran berangkaian untuk mengekalkan iklim bilik darjah yang positif. Guru yang bermotivasi intrinsik dan disokong dalam kekuatan personaliti mereka berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik, kolaboratif dan adaptif. Persekitaran sedemikian, seterusnya, menyumbang secara langsung kepada penglibatan murid yang lebih baik, kesejahteraan sosio-emosi dan pencapaian akademik.

### **Memupuk Iklim Bilik Darjah Yang Positif Untuk Kelestarian Pencapaian Murid**

Memandangkan tret personaliti guru mempunyai pengaruh terhadap iklim bilik darjah dan hasil pencapaian murid, amalan pembinaan iklim bilik darjah yang positif harus diterapkan ke dalam latihan guru. Strategi termasuk integrasi pembelajaran sosio-emosi (*Socio Emotional Learning*) secara eksplisit, latihan penyelesaian konflik dan pedagogi inklusif. Pendekatan ini telah dilaksanakan untuk meningkatkan penglibatan murid dan prestasi akademik di sekolah menengah (Premachandran, 2024). Selain itu, sistem sekolah boleh mewujudkan keadaan yang mampan atau lestari untuk meningkatkan hasil pembelajaran murid dalam iklim bilik darjah moden.

### **Kesimpulan**

Tret personaliti, terutamanya seperti yang dikonsepkan dalam model *Big Five Personality*, memainkan peranan penting menentukan bentuk keberhasilan murid dalam pendidikan menengah. Tret-tret personaliti keterbukaan, kesedaran, ekstrasversi, kesepakatan dan neurotikisme (kestabilan emosi) mempengaruhi cara guru melibatkan diri dengan murid, mengurus persekitaran bilik darjah dan melaksanakan strategi pedagogi.

Di sektor pendidikan, kajian mendapati bahawa personaliti guru yang berorientasikan tret keterbukaan dan ekstrasversi berhubung rapat dengan keberkesanan pengajaran dan kesejahteraan guru, ini menunjukkan bahawa guru dengan tret ini lebih cenderung mencapai kejayaan dalam pengajaran dan pengurusan kelas. Walau bagaimanapun, kajian juga menunjukkan bahawa faktor seperti neurotikisme mungkin menghalang prestasi guru dan perubahan dalam personaliti seiring usia dapat mempengaruhi pendekatan mereka terhadap pengajaran. Secara keseluruhannya, personaliti memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku profesional dan kejayaan kerjaya serta bakat mengajar dalam kalangan guru.



Keperluan pendekatan bersepadu terserlah dalam mempertimbangkan kedua-dua faktor psikologi dan personaliti dalam program pembangunan guru. Penyelidikan masa depan harus menguji secara empirikal model konseptual yang merentasi pelbagai konteks pendidikan, terutamanya menumpukan pada interaksi antara kompetensi digital dan ciri personaliti dalam membentuk iklim bilik darjah dan pencapaian murid.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada:

1. Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Pengarah Pendidikan Negeri Kedah dan Pengarah Pendidikan Negeri Perlis
2. Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Harian yang terpilih
3. Guru-guru Mata Pelajaran SMK
4. Pusat Pengajian Siswazah UniMAP
5. Dr Yasmin Ahmad, Penyelia Utama, FPK, UniMAP
6. Keluarga tercinta

### Rujukan

- Ackerman, C. (2017). *Big Five Personality Traits: The OCEAN Model Explained*. <https://positivepsychology.com/big-five-personality-theory>
- Adams, D., Bellibaş, M. S., Muniandy, V. & Leuphana, M. P. (2025). The Role of Openness to Experience in Innovating Teaching and Instruction Through Leader-Member Exchange and Teacher Creativity. *Thinking Skills and Creativity*, 57(5). DOI:10.1016/j.tsc.2025.101834
- Ahmad Tazli1, U. N., Zulkarnain, M. G., Ridzuan Lotfi, N. H. & Nordin, N. (2019). Hubungan Tret Personaliti Dengan Tahap Pencapaian Akademik Guru Praperkhidmatan. *Selangor Science & Technology Review Special Issue*, Vol. 3, No. 2
- Allen, M. S., & Walter, E. E. (2018). Linking big five personality traits to sexuality and sexual health: A meta-analytic review. *Psychological bulletin*, 144(10), 1081
- Amatan, M. A. & Han, C. G. K. (2019). Pengaruh Persekitaran Psikososial Sekolah dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (32), 301-331. DOI: 10.35631/IJEPC.4320027
- Bujang, Z., & Yusof, Y. Z. (2015). Trait Personaliti Dan Hubungan Dengan Prestasi Akademik Bakal Guru Di Sebuah Institusi Latihan Perguruan. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*, 8.
- Burić, I., Butković, A. & Kim, L. E. (2023). Teacher personality domains and facets: Their unique associations with student-ratings of teaching quality and teacher enthusiasm. *Learning and Instruction*, 101827. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2023.101827>
- Che Cob, C. M. S., Zakaria, U. K., Abdul Wahab, M. H. A.-A., Baistaman, J., Omar, S. N. Z., & Osman, N. B. (2024). Factors Influencing Job Performance among Academic Staff in Malaysian Public University. *Information Management and Business Review*, 16(1), 31–42.
- Cherry, K. (2025, January 29). *What Are the Big 5 Personality Trait? Where do you fall in the OCEAN of personality?* <https://www.verywellmind.com/the-big-five-personality-dimensions-2795422>
- Chin, W., & Marcoulides, G. (1998). The Partial Least Squares approach to Structural Equation Modeling. *Modern Methods for Business Research*, 8.

- Clipa, O., Delibas, C. & Mata, L. (2023). Teachers' Self-Efficacy and Attitudes towards the Use of Information Technology in Classrooms. *Educ. Sci.*, 13, 1001. <https://doi.org/10.3390/educsci13101001>
- Collie, R. J., Granziera, H., Martin, A. J., Burns, E. C., & Holliman, A. J. (2020). Adaptability among science teachers in schools: A multi-nation examination of its role in school outcomes. *Teaching and Teacher Education*, 90(3), <https://doi.org/10.1016/j.tate.2020.103148>
- Collie, R. J., Granziera, H., Martin, A. J., Burns, E. C., & Holliman, A. J. (2020). Adaptability among science teachers in schools: A multi-nation examination of its role in school outcomes. *Teaching and Teacher Education*, 90(3), <https://doi.org/10.1016/j.tate.2020.103148>
- Fang, J. & Qi, Z. (2023). The influence of school climate on teachers' job satisfaction: The mediating role of teachers' self-efficacy. *PLOS ONE*, 18(10): e0287555. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0287555>
- Hagger, M. & Protogerou, C. (2021). Self-Determination Theory and Autonomy Support to Change Healthcare Behavior. DOI:10.1002/9781119129530.ch7
- Hair, Joe F., Sarstedt, M., Hopkins, L., & Kuppelwieser, V. G. (2014). Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM): An emerging tool in business research. *European Business Review*. <https://doi.org/10.1108/EBR-10-2013-0128>
- Han, S., Liu, D. & Lv, Y. (2022). The Influence of Psychological Safety on Students' Creativity in Project-Based Learning: The Mediating Role of Psychological Empowerment. *Front. Psychol.*, 13, 865123. doi: 10.3389/fpsyg.2022.865123
- Hussain, M., Qureshi, Z. M. & Malik, S. (2024). The Impact of Modern Technologies on Modern Education: Navigating Opportunities and Challenges. *Global Educational Studies Review*, IX(III), 21-30. [https://doi.org/10.31703/gesr.2024\(IX-III\).03](https://doi.org/10.31703/gesr.2024(IX-III).03)
- Ibrahim, S. N. A. (2019). *Personaliti Dan Tahap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru Prasekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ismail, F., Kadir, A. A., Teknologi, F. P., & Perniagaan, D. (2021). Personaliti Big Five Dengan Prestasi Kerja Pengurusan Sumber Manusia. *Human Sustainability Procedia*, 1(1), 29-44. <https://doi.org/10.30880/hsp.2021.01.01.004>
- Jayawickreme, E., & Zachry, C. E. (2018). Positive personality change following adversity. In V. Zeigler-Hill & T. K. Shackelford (Eds.), *The SAGE handbook of personality and individual differences: Origins of personality and individual differences* (pp. 450–464). Sage Reference. <https://doi.org/10.4135/9781526451200.n24>
- John, O. P. & Srivastava, S. (1999). The Big Five Trait taxonomy: History, measurement and theoretical perspectives *In Handbook of personality: Theory and research (2nd ed.)*, edited by Pervin, L. A., John, O. P., 102-138.
- Kamilah, C. N. & Aishah, R. S. (2019). Tret personality (extraversion, agreeableness, conscientiousness, dan openness) mendorong kecenderungan keusahawanan pelajar teknik dan vokasional. Satu kajian di Kolej Vokasional Daerah Kuala Terengganu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(15), 35- 45.
- Kariya, H. S. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 9-18. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Kim, J., Merrill Jr., K., Xu, K. & Sellnow, D. D. (2022). Embracing AI-Based Education: Perceived Social Presence of Human Teachers and Expectations About Machine Teachers in Online Education. *Human-Machine Communication*, Vol 4, <https://doi.org/10.30658/hmc.4.9>

- Kim, L. E., Jörg, V., & Klassen, R. M. (2019). A meta-analysis of the effects of teacher personality on teacher effectiveness and burnout. *Educational Psychology Review*, 31(1), 163–195. <https://doi.org/10.1007/s10648-018-9458-2>
- Lim, A. G. Y. (2025, March 20). *Big Five Personality Traits: The 5-Factor Model of Personality*. <https://www.simplypsychology.org/big-five-personality.html>
- Mammadov, S. (2022). Big Five Personality Traits and Academic Performance: A Meta-Analysis. *Journal of personality*, 90(2), 222–255. <https://doi.org/10.1111/jopy.12663>
- Mammadov, S., & Avci, A. H. (2025). A Meta-Analytic Review of Personality and Teacher-Student Relationships. *Journal of personality*, 93(4), 949–972. <https://doi.org/10.1111/jopy.12986>
- Manggie, S.L.A. & Yasin, R.M. (2022). Pendekatan Sosio Emosi Guru dalam PdP bagi Membantu Murid GALUS B40 tahun 6. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001424. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.142>
- McCrae, R. R., & Costa, P. T., Jr. (1999). A Five-Factor theory of personality. In L. A. Pervin & O. P. John (Eds.), *Handbook of personality: Theory and research* (2nd ed., pp. 139–153). Guilford Press.
- Mukhlis, H., Haenilah, E. Y., Sunyono, Maulina, D., Nursafitri, L., Nurfaizal & Noerhasmalina. (2024). Connectivism And Digital Age Education: Insights, Challenges and Future Directions. *Kasetsart Journal of Social Sciences*. 45(3): 803–814. <https://doi.org/10.34044/j.kjss.2024.45.3.11>
- Nasarudin, Shobri, M., Andrianto, Wardi, M., Nugroho, B. T. A. & Uma, R. H. (2024). *Pembelajaran Era Digital*. CV. Afasa Pustaka
- Nik Anuay, N. N. S., & Muhamad, T. A. (2019). Tret personaliti terhadap prestasi kerja dalam kalangan pegawai sukan di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 8(1), 13–21. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol8.1.2.2019>
- Perera, H. N. & John, J. E. (2020). Teachers' Self-Efficacy Beliefs for Teaching Math: Relations with Teacher and Student Outcomes. *Contemporary Educational Psychology*, 61 1-13. <http://dx.doi.org/10.1016/j.cedpsych.2020.101842>
- Ping, L. L., Hee, O. C., Kowang, T. O., & Wu, C. H. (2024). Personality traits and job performance among academic staff in a private academic institution. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 13(2), 852–859. <https://doi.org/10.11591/ijere.v13i2.26898>
- Razak, H.A. (2015). *Hubungan Antara Personaliti Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar*. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Richardson, S., Lawrence, K., Schoenthaler, A. M., & Mann, D. (2022). A Framework For Digital Health Equity. *NPJ digital medicine*, 5(1), 119. <https://doi.org/10.1038/s41746-022-00663-0>
- Schmidt, G.A., D. Bader, L.J. Donner, G.S. Elsaesser, J.-C. Golaz, C. Hannay, A. Molod, R. Neale, and S. Saha, 2017: Practice and philosophy of climate model tuning across six U.S. modeling centers. *Geosci. Model Dev.*, 10, 3207-3223, doi:10.5194/gmd-10-3207-2017.
- Siemens, G. (2005). Connectivism: A Learning Theory for The Digital Age. *International Journal of Instructional Technology and Distance Learning*, 2, 3-10. [http://www.itdl.org/Journal/Jan\\_05/article01.htm](http://www.itdl.org/Journal/Jan_05/article01.htm)
- Siemens, G. (2017). Connectivism: A knowledge learning theory for the digital age? *Educational Technology*, 57(1), 3-10. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/00131725.2016.1267034>

- Stümpel, J., van Munster, M., Grosjean, S., Pedrosa, D. J., & Mestre, T. A. (2022). Coping Styles in Patients with Parkinson's Disease: Consideration in the Co-Designing of Integrated Care Concepts. *Journal of Personalized Medicine*, 12(6), 1. <https://doi.org/10.3390/jpm12060921>
- Sulis, G., Mercer, S., Mairitsch, A., Babic, S. & Shin, S. (2021). Pre-Service Language Teacher Wellbeing as A Complex Dynamic System. *System*, 103. <https://doi.org/10.1016/j.system.2021.102642> R
- Tengah, A., & Rahim Zumrah, A. (2022). The Influence of Big Five Personality on Lecturer's Performance in Private University. *Journal of Management & Muamalah*, 12(2), 80-101.
- Wan Daud, W. R., Muhamad, T. A., & Md Yunus, M. (2020). Hubungan dan Pengaruh Personaliti Big Five kepada Sikap Terhadap Sukan dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas Akademik. *Jurnal Pendidikan*. <https://doi.org/10.17576/jpen-2020-45.01-05> Malaysia, 45(1), 41–51.
- Worthy, L. D., Lavigne, T., & Romero, F. (2020). Uniquely Human. *Culture and Psychology*, 1, 23-31
- Yang, J. H., Yang, H. J., Choi, C., & Bum, C. H. (2024). Relationship between Athletes' Big Five Model of Personality and Athletic Performance: Meta-Analysis. *Behavioral Sciences*, 14, 1–18. <https://doi.org/10.3390/bs14010071>
- Zali, Z. & Surat, S. (2022). Mengenal pasti Faktor Personaliti 'Big Five' Terhadap Prestasi Pembelajaran: Satu Kajian Sistematis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.